

13/12/2015 - Majlis Pecah Tanah Dewan Serbaguna SMK Raja Muda Musa, Bestari Jaya

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis,

YBhg. Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad
Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia

YBhg. Tuan Zainuren bin Haji Mohd Nor
Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

YBhg. Encik Shashim Shah bin Harun
Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Selangor

YBhg. Dato' Mohamed Raffe bin K. Chekku
Pengerusi Yayasan Rafulin

[YBhg. Puan Sri Datuk Rohani Abdullah](#) Yang Di Pertua PUSPANITA Kebangsaan

YBhg. Encik Zulkefli bin Zakaria
Yang DiPertua PIBG SMK Raja Muda Musa

YBrs. Encik Azmi bin Mison
Pengetua SMK Raja Muda Musa

Pegawai-pegawai daripada Kementerian, Jabatan dan Daerah,
Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya jua, kita diberi kesempatan untuk bertemu di Majlis Perasmian Pecah Tanah Dewan Serbaguna SMK Raja Muda Musa, Bestari Jaya pada pagi ini.
2. Saya pasti, pelaksanaan majlis seumpama ini sudah tentu memerlukan penggembleran tenaga, idea dan kerja keras daripada semua pihak. Sekalung penghargaan saya ucapkan kepada Yayasan Rafulin dan Alumni Kohort 82-86 SM Batang Berjantai kerana sangat komited menjalinkan kerjasama dengan warga SMK Raja Muda Musa dalam menjayakan projek pembinaan dewan serbaguna ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan.
3. Saya turut memanjangkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada PUSPANITA Kebangsaan yang turut bersama membantu dan menghulurkan bantuan kebajikan kepada warga sekolah dan rumah kebajikan pada hari ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang akan melangkah ke Gelombang 2 telah menunjukkan permulaan transformasi yang memberangsangkan. Dengan bermatlamatkan untuk mensiapsiagakan rakyat Malaysia menangani cabaran global abad ke 21, prestasi yang dicapai dalam tiga tahun ini menunjukkan bahawa negara kini dalam landasan yang kukuh. Ini secara tidak langsung meletakkan Malaysia dalam kalangan **satu pertiga teratas negara** yang mempunyai **sistem pendidikan terbaik di dunia**.
5. Rakyat kini, dapat melihat hasil program yang berimpak tinggi sedang dan telah dilaksanakan dengan pantas dan memberi manfaat kepada murid-murid di seluruh negara. Sebagai contoh, kadar enrolmen prasekolah yang disasarkan dalam Gelombang 1 telah menunjukkan **peningkatan yang memberangsangkan** daripada **81.7% pada 2013** kepada **84.2% pada tahun 2015**. Peningkatan enrolmen ini merupakan hasil daripada usaha bersepadu melibatkan pelbagai Kementerian dan agensi bagi memastikan murid-murid yakni generasi pelapis di negara ini **mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti**.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Menyentuh mengenai pendidikan yang berkualiti, sudah pasti hasrat ini tidak dapat dijayakan tanpa adanya tenaga pengajar yang berkualiti. Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia **sentiasa menghargai usaha para guru-guru** dalam mendidik anak-anak bangsa kita, dan juga menyedari permasalahan beban tugas yang dihadapi oleh para guru. Bagi **mengurangkan beban tugas guru pada hari ini**, Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau National Blue Ocean Strategy (**NBOS**) telah **digarapkan** dengan berpegang kepada tiga prinsip yang utama iaitu kos rendah, berimpak tinggi dan pelaksanaan yang pantas.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Dalam kepesatan arus teknologi, kerajaan juga menyedari bahawa anak-anak pada hari ini mudah untuk mengakses maklumat diujung jari mereka sahaja. Sehubungan dengan itu, saya amat menyokong usaha Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mewujudkan **satu sistem pembelajaran yang melibatkan penglibatan menyeluruh** oleh golongan ibubapa, komuniti, masyarakat dan sektor swasta. Adalah diharapkan, dengan adanya penglibatan yang aktif dan bersepadu daripada golongan-golongan ini, suasana dan **proses pembelajaran akan menjadi lebih kondusif dan menyeronokkan** serta bermakna kepada anak-anak kita.

8. Sesungguhnya, aspirasi ini tidak akan mudah dicapai tanpa adanya penglibatan dan **kerjasama yang proaktif** daripada seluruh warga organisasi tersebut yakni **tenaga pengajar dan warga sekolah** itu sendiri. Oleh yang demikian, guru-guru pada hari ini disaran untuk melakukan perubahan dan pembaharuan yang lebih **kreatif dan inovatif** seiring dengan keperluan dan perubahan dunia masa kini. Peranan guru bukan sahaja tertakluk sebagai penyampai ilmu malah perlu memperluaskan tanggungjawab mereka secara menyeluruh lagi.

9. Saya berharap tenaga pengajar dan warga sekolah pada hari ini dapat **membina dan mempupuk sebuah komuniti sekolah yang muhibah** dengan penglibatan daripada semua pihak yang berkepentingan atau *stakeholders*. Harapan ini adalah sejajar dengan

konsep **Merakyatkan Perkhidmatan Awam** yang berteraskan kepada enam prinsip utama iaitu keterbukaan, musyawarah, turun padang, insaniah, kekitaan serta kerjasama dengan sektor awam, swasta dan badan bukan kerajaan.

10. Pada hari ini, saya sangat gembira dan cukup kagum kerana konsep-konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam dapat dibudayakan di SMK Raja Muda Musa, Bestari Jaya pada hari ini. Kejayaan pihak sekolah menjalinkan **kerjasama dengan sektor swasta** dalam menyediakan pembangunan fizikal demi kesejahteraan warganya adalah satu langkah yang tepat dan bijak. Saya percaya pendekatan ini tidak dapat dijayakan tanpa adanya aspek **musyawarah atau semangat kekitaan yang tinggi**.

11. Namun begitu, saya juga ingin panjangkan terima kasih dan syabas kepada YBhg. Dato' Mohamed Raffe bin K. Chekku dan Alumni Kohort 82-86 SM Batang Berjuntai **yang merupakan bekas pelajar di sekolah ini**. Mereka bukan sahaja bersatu untuk membangunkan prasarana yang lebih selesa bagi sekolah ini malah menunjukkan **contoh dan ikutan yang baik** kepada para pelajar di sekolah ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan. Sempena majlils pecah tanah ini Puspanita Kebangsaan telah secara sukarela menyumbangkan bantuan tunai dan peralatan untuk pelajar sekolah bernilai RM49,000 selain RM9,000 tunai untuk organisasi kebajikan yang berhampiran dengan jumlah keseluruhan ialah RM58,000.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Adalah menjadi harapan kita semua, agar dewan serbaguna ini akan menjadi **satu titik tolak dalam mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif** kepada para pelajar di sekolah ini. Persekitaran yang kondusif bukan sahaja dapat memberi impak yang positif kepada pelajar-pelajar di sekolah ini malah akan terus mencipta kecemerlangan daripada segi **akademik, kokurikulum dan sahsiah diri**. Saya juga percaya, dengan adanya dewan serbaguna ini, ia akan

dapat **merapatkan hubungan silaturahmi** di antara warga sekolah dan **komuniti setempat** dengan pelbagai program atau aktiviti kemasyarakatan yang akan dianjurkan.

13. Akhir kata, saya ingin ucapkan terima kasih dan syabas kepada Yayasan Rafulin, Alumni Kohort 82-86 SM Batang Berjuntai, Kementerian Pendidikan Malaysia, PUSPANITA Kebangsaan, Persatuan Ibumaba dan Guru (PIBG) dan warga SMK Raja Muda Musa serta semua pihak yang secara langsung atau tidak langsung menjayakan majlis kita pada hari ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacitanya saya merasmikan Majlis Pecah Tanah Dewan Serbaguna SMK Raja Muda Musa, Bestari Jaya.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal-hidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

©2015 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2041>